

MEMANDIRI USAHAWAN BERSTATUS ASNAF MELALUI MODEL MLC

Self-Sufficient of Asnaf Status Entrepreneurs Through The MLC Model

Mohamad Naim Abd Halim^{1*}
Selamah Maamor²
Amirul Faiz Osman³
Ahmad Bashir Aziz⁴
Nor Hayati Ahmad⁵

^{1,2,3,4,5} Institute of Shariah Governance and Islamic Finance, Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah DA (Email: selamahm@uum.edu.my)

Received: 1 March 2022, Reviewed: 3 March 2022, Published: 31 March 2022

Abstract: For a long time, Kedah State Zakat Board (LZNK) has played their role in helping to manage the distribution to asnaf throughout the state of Kedah. The main focus of LZNK trying to help is those who want and are learning and this effort coincides with the basic need of a person to 'self-sufficient' is nothing but knowledge. However, what is the knowledge and how is the knowledge to be adapted in the daily life of an asnaf or the asnaf's child so that he is able to be independent and eventually is removed from the list of asnafs and instead becomes a zakat payer. Thus, this study offers a program that adapts the 'Mindset, Leadership and Competencies (MLC)' Model to establish asnaf and focus on asnaf with entrepreneurial status. The results of this study found that this MLC Model has left effective implications in establishing the target asnaf group. The relatively significant effects before and after this MLC model was introduced to these entrepreneurial status asnaf are; i) has shown a significant change in the 'mindset' of asnaf from low to medium and high levels; and ii) changes to 'business competencies'. The business competencies of these asnafs were originally at a medium level and have been successfully transformed to a high and very high level. As a result, the asnaf have managed to master the latest business knowledge and even be able to make social media a more effective marketing method, cheaper and reach a wide network of customers. MLC's approach becomes important not only to focus on the material element (business competence) alone but also to sustain entrepreneurs and prevent them from getting stuck towards disappointment, fear of loss and various negative things in the business that will be faced in the future.

Keywords: Asnaf with Entrepreneur Status; Self-reliance, Mindset, Leadership, Competencies, MLC Model

Abstrak: Sejak sekian lama Lembaga Zakat Negeri kedah (LZNK) telah memainkan peranan mereka dalam membantu menguruskan agihan kepada asnaf di seluruh negeri Kedah. Fokus utama LZNK cuba bantu adalah mereka yang ingin dan sedang belajar dan berusaha ini bertepatan dengan keperluan asas seseorang untuk "memandiri" tidak lain tidak bukan hanya dengan ilmu. Namun, ilmu yang apakah dan bagaimanakah ilmu itu untuk diadaptasi dalam

kehidupan seharian seseorang asnaf atau anak asnaf itu sehingga ia mampu mandiri dan akhirnya terkeluar dari senarai golongan asnaf dan sebaliknya menjadi pembayar zakat pula. Justeru, kajian ini menawarkan program yang mengadaptasi Model “Mindset, Leadership and Competencies (MLC)” bagi memandirikan asnaf dan memfokus kepada asnaf berstatus usahawan. Hasil kajian ini mendapati Model MLC ini telah meninggalkan implikasi yang berkesan dalam memandirikan kumpulan asnaf sasaran. Kesan yang agak ketara sebelum dan selepas model MLC ini diperkenalkan kepada asnaf berstatus usahawan ini adalah; i) telah menampakkan perubahan yang agak ketara pada “mindset” asnaf daripada tahap rendah kepada tahap sederhana dan tinggi; dan ii) perubahan kepada “kompetensi perniagaan”. Kompetensi perniagaan asnaf-asnaf ini asalnya di tahap sederhana telah berjaya diubah ke tahap tinggi dan sangat tinggi. Hasilnya, para asnaf telah berjaya menguasai ilmu perniagaan terkini malah dapat menjadikan sosial media sebagai kaedah pemasaran yang lebih efektif, murah dan mencapai rangkaian pelanggan yang meluas. Pendekatan MLC menjadi penting bukan sekadar memfokuskan elemen material (kompetensi perniagaan) semata-mata bahkan melestarikan usahawan dan mengelakkan mereka dari terjebak ke arah kekecewaan, takutkan kerugian dan pelbagai perkara negatif dalam perniagaan yang akan dihadapi kelak.

Kata kunci: Asnaf Berstatus Usahawan; Memandiri, Mindset, Leadership, Competencies, Model MLC

PENGENALAN

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) sejak sekian lama telah memainkan peranan mereka dalam membantu menguruskan agihan kepada asnaf di seluruh negeri Kedah. Dalam laporan terkini bagi tahun 2018, dinyatakan antara jumlah agihan tertinggi adalah kepada golongan asnaf Miskin (RM81.6 juta) diikuti oleh asnaf fisabilillah (RM64.4 juta) yang mana jumlah keseluruhan agihan adalah RM150.1 juta. Namun berdasarkan rekod 2016, jumlah penerima bantuan zakat asnaf fisabilillah adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 55,299 penerima berbanding kategori asnaf miskin sebanyak 49,381 individu. Fisabilillah termasuk bantuan pendidikan seperti dermasiswa yang mana jumlah yang diberikan juga agak tinggi. Justeru, dilihat bahawa fokus utama LZNK cuba bantu adalah mereka yang ingin dan sedang belajar dan usaha ini bertepatan dengan keperluan asas seseorang untuk 'mandiri' tidak lain tidak bukan hanya dengan ilmu. Namun, ilmu yang apakah dan bagaimanakah ilmu itu untuk diadaptasi dalam kehidupan seharian seseorang asnaf atau anak asnaf itu sehingga ia mampu mandiri dan akhirnya terkeluar dari senarai golongan asnaf dan sebaliknya menjadi pembayar zakat pula.

Banyak kajian terdahulu berkaitan zakat tertumpu kepada golongan asnaf sama ada dari segi agihan mahupun dari segi kesan daripada program pembangunan asnaf yang dilaksanakan. Namun begitu, amat kurang kajian yang tertumpu kepada pembangunan asnaf berstatus usahawan yang sebenarnya sangat memerlukan bantuan dan menjadi nadi penggerak kepada perubahan keluarga mereka untuk keluar dari kedudukan golongan asnaf kelak. Asnaf ini mempunyai keperluan yang berbeza kerana mereka bukan hanya perlukan bantuan kewangan, latihan, bimbingan semata-mata untuk mereka meneruskan kehidupan, malah yang lebih mereka perlukan adalah mempunyai matlamat hidup (life mission). Ini kerana apa pun jua bentuk program, latihan mahupun bimbingan yang diberikan namun tanpa matlamat hidup yang betul dan benar maka ianya tidak akan memberikan kesan berpanjangan dalam usaha

asnaf ini untuk mandiri. Justeru, projek ini ingin menawarkan projek yang mengadaptasi Model ‘Mindset, Leadership and Competencies (MLC)’ bagi memandirikan asnaf berstatus usahawan ini.

Projek ini yang mengadaptasi Model MLC ini berbeza daripada projek-projek sedia ada seperti daripada CEDI UUM yang mana projek mereka fokus kepada latihan dan bimbingan untuk pembangunan usahawan asnaf. Di sini, elemen “competency” diberi tumpuan. Selain itu, ada juga projek oleh penyelidik UPM iaitu Badan Pengurusan Zakat, Wakaf dan Endowment (WAZAN) yang memberi fokus kepimpinan asnaf di kalangan pelajar di bawah tajaan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang mana elemen “Leadership” diberikan perhatian.

Model MLC yang diadaptasi dalam Projek Mamandirikan Asnaf ini adalah satu model yang komprehensif yang menggarapkan ketiga-tiga elemen penting dalam pembangunan lestari iaitu ‘Mindset’, Leadership dan ‘Competency’. Menariknya Model MLC ini akan menekankan konsep ‘kerohanian’ (spirituality) antara lain adalah konsep tauhid, uswatul hasanah dan sebagainya seperti mana disisipkan dalam bahagian metodologi seterusnya.

Universiti Utara Malaysia (UUM) merupakan sebuah universiti yang menumpukan kepada bidang ‘pengurusan’. Selari dengan itu, UUM ingin mengambil peluang untuk mengetuai (take the lead) dalam tindakan memandirikan asnaf melalui projek ini. UUM melalui Pusat Pengajian Perniagaan Islam (Islamic Business School – IBS) mahu menggembeng tenaga pakar yang ada di UUM bersama-sama dengan LZNK dan Institusi kerajaan lain seperti MARA, Kolej Komuniti dan lain-lain bagi membantu asnaf melalui pelaksanaan projek ini yang dikategorikan sebagai ‘pengurusan sosial’ bagi tujuan pembangunan ekonomi ummah melalui asnaf berstatus usahawan.

Berasaskan masalah di atas, maka kertas kerja ini ingin menilai kesan pelaksanaan Program Model MLC kepada asnaf berstatus usahawan dan seterusnya merangka modul program memandiri asnaf berstatus usahawan berdasarkan Model MLC.

KEUSAHAWAN DAN KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Keusahawanan dan kepimpinan adalah saling berkait kerana bagi situasi usahawan baru kecil-kecilan pastilah kepimpinan itu menjadi tunjang dalam konsep jati diri keusahawanan mereka. Justeru, perbincangan dalam bahagian ini membawa maksud selari bagi konsep keusahawanan dan kepemimpinan dalam perniagaan.

Trend kepimpinan berasaskan tujuan (purpose-driven leadership) semakin meningkat hingga menimbulkan pelbagai perspektif kepimpinan seperti pemimpin dianggap sebagai pelayan (steward) untuk mencapai tujuan organisasi, kunci kepada prestasi yang luar biasa, laluan kehidupan sejahtera yang lebih baik dan juga pengurangan pendedahan terhadap penyakit (Craig & Snook, 2014). Menurut Quinn dan Thakor (2018) tujuan yang lebih tinggi bukan hanya mengenai pertukaran ekonomi. Tujuan mencerminkan sesuatu yang lebih aspirasi, menjelaskan bagaimana orang yang terlibat dengan organisasi membuat perbezaan, memberi mereka rasa makna (sense of meaning), dan berupaya menimbulkan sokongan di kalangan pengikut. Walaupun tujuan dalam kepimpinan semakin disebut-sebut sebagai kunci untuk mengemudi dunia yang tidak menentu (volatile), ketidaktentuan (uncertainty), rumit (complex) dan samar-samar (ambiguous) namun didapati bahawa kurang daripada 20% pemimpin memiliki rasa yang kuat terhadap tujuan masing-masing (Craig & Snook, 2014).

Teori-teori atau konsep kepemimpinan yang telah dikaji dan menjadi amalan pula lazimnya terlalu dikecilkan skop manakala makna serta tujuan yang lebih tinggi didapati hilang walhal ianya perlu diberikan perhatian (Sergiovanni, 1992). Kegagalan ini disebabkan oleh segmen utama kewujudan kemanusiaan iaitu integrasi fizikal (physical body) integrasi minda melibatkan “logical or rational thought” (logik atau pandangan rasional), hati melibatkan emotions (emosi), melibatkan feelings (perasan) dan spirit (jiwa) hilang di dalam kepemimpinan (Moxley, 2000). Kini para pemimpin mahupun organisasi mencari makna dan tujuan yang lebih tinggi yang seterusnya memperkenalkan kerohanian, agama dan kepercayaan kepada dunia perniagaan (Kouzes & Posner, 2007).

Paradigma tauhid adalah komponen terpenting membentuk kepercayaan atau keyakinan yang berhubung kait dengan kalimah syahadah dalam membimbing pemikiran, pemahaman, perasaan, tindakan dan keputusan oleh seseorang individu (Ismail & Sarif, 2011). Pembentukan konsep paradigma tauhid ini terdiri daripada tiga konsep asas sebagaimana dijelaskan oleh al-Qardhawi (1993) iaitu iman (kepercayaan), ilmu (pengetahuan) dan amal (perlakuan). Konsep tauhid memberikan jawapan yang bebas daripada paradigma yang hanya berbentuk andaian atau dogma kosong tetapi paradigma tauhid sebagai ilmu yang dapat menegakkan kepercayaan keagamaan individu berasaskan kepada keyakinan (Selamat, 1996).

Abdul Aziz (2006) dalam hal ini turut menyarankan untuk memahami dan menghayati paradigma tauhid bukan merangkumi aspek kerangka teori semata-mata bahkan disepadukan antara teori dan amali, roh dan akal serta hati dan budi bagi menjamin keberkesanan praktis yang berpaksikan kepada konsep tauhid. Kekuatan konsep paradigma tauhid memastikan kedudukan manusia pada hakikat kewujudannya dan apabila berhubung dengan hal-hal berkaitan keduniaan paradigma tauhid memberi panduan berkenaan matlamat iaitu bukan hanya mencapai jangkauan-jangkauan melampau seperti faktor kewangan yang melampau dan menjelaskan kenapa dan apa tujuan manusia diciptakan oleh tuhan iaitu sebagai khalifah (pemimpin) (Kahf & Ahmad, 1980).

Tinjauan terhadap penyelidikan empirikal mengenai kepemimpinan Islam yang dibuat oleh kajian terdahulu adalah agak terhad manakala kepemimpinan yang berasaskan model Barat didapati kurang menepati ajaran Islam (Faris & Parry, 2011). Namun berbeza dengan kajian oleh Mohamad Naim et al. (2019) yang merungkaikan asas kepemimpinan Islam melalui pendekatan paradigma tauhid, juga turut menjelaskan kepelbagaian manhaj kepemimpinan yang merangkumi skop sumber kepemimpinan Islam, tauhid, budaya dan perbincangan arah tuju kepemimpinan dalam Islam melalui paradigma tauhid yang dinamakan maudhu’ nubuwwah.

Menurut Mohamad Naim et al. (2019) lagi artikel mereka dicanai untuk memahami dan membincangkan kepemimpinan dalam Islam melalui perspektif paradigma tauhid. Pendekatan paradigma tauhid sebagai suatu kepercayaan dalam kepemimpinan dipercayai dapat menjayakan konsep kepemimpinan yang berkesan. Hasil penelitian terhadap kajian-kajian kepemimpinan Islam terdahulu mendapati pelbagai skop telah dibincangkan namun kurang menekankan pembinaan dan hubungan di antara kerangka tauhid, nubuwwah dan kepemimpinan Islam. Idea yang mereka ketengahkan dijangka membantu pengukuhan konsep kepemimpinan Islam melalui pendekatan maudhu’ nubuwwah dan penemuan kompetensi utama iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fatanah sebagai nilai-nilai yang perlu diketengahkan dalam kepemimpinan Islam.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Projek ini merupakan Kajian Tindakan (Action Research) yang akan mengadaptasi Model MLC (Rujuk Rajah) di mana usaha perlaksanaannya akan melibatkan beberapa fasa.

Fasa 1: Pengumpulan Profil Asnaf Berstatus Usahawan

Kumpul profil responden iaitu asnaf usahawan. Data-data *secondary* iaitu daripada LZNK akan dikumpul, begitu juga sesi temu bual dan pemerhatian akan digunakan dalam fasa pertama ini bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat latar belakang asnaf yang bakal menjadi peserta projek ini.

Fasa 2: Pelaksanaan Kajian Rintis Program MLC

Melaksanakan Kajian Rintis (Pilot Test) program MLC ini kepada asnaf berstatus usahawan yang telah dikenal pasti dalam Fasa 1. Mendapatkan maklumat dan maklum balas berkaitan program yang telah dilaksanakan. Metod temu bual bersemuka akan digunakan dalam fasa ini.

Fasa 3: Pembentukan Program Memandiri Asnaf Mengadaptasi Model MLC

Ketika Fasa 3 ini, proses pembentukan Program Memandiri Asnaf dengan mengadaptasi Model MLC didokumenkan berdasarkan 'kajian rintis' yang dijalankan dalam Fasa 2. Program ini ditambah baik berdasarkan pengalaman dan keperluan peserta program ini dalam fasa Kajian Rintis.

Semua maklumat yang dilalui dalam tiga (3) fasa di atas akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) bagi mencapai tiga (3) objektif yang digariskan dalam kajian ini. Dapatan kajian akan dicerakinkan dalam bahagian seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini akan dibahagikan kepada tiga (3) bahagian berdasarkan objektif kajian yang digariskan.

Profil Asnaf Berstatus Usahawan

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti profil asnaf berstatus usahawan berserta keperluan, pengalaman dan program yang mereka sertai. Seramai 20 asnaf telah menyertai program ini dan mereka telah ditemubual secara bersemuka dengan rela hati menyertai program MLC ini. Berikut adalah jadual deskriptif analisis tentang golongan asnaf berstatus usahawan yang telah ditemubual.

Jadual 1. Umur, Pendapatan Bulanan dan Tempoh Perniagaan Asnaf

Perkara	Minimum	Maximum	Mean
Umur	25	50	36.90
Pendapatan Bulanan	300	2000	757.30
Tempoh Perniagaan	1	12	4.75

Jadual 1 menunjukkan tahap umur, pendapatan bulanan dan tempoh perniagaan golongan asnaf yang menyertai program MLC ini. Dari segi umur, umur responden yang paling muda ialah berumur 25 tahun dan yang paling tua berumur 50 tahun. Manakala dari segi pendapatan bulanan pula, pendapatan yang paling rendah ialah sebanyak RM300 sebulan dan

yang paling tinggi sebanyak RM2000 sebulan. Untuk tempoh perniagaan, yang paling singkat berniaga setakat kajian ini dijalankan ialah baru satu tahun dan yang paling lama ialah 12 tahun.

Jadual 2. Pendidikan

Pendidikan	Kekerapan	Peratusan
SPM	18	90.0
STPM	1	5.0
Tingkatan 4	1	5.0

Jadual 2 di atas menunjukkan tahap pendidikan golongan asnaf yang ditemubual dalam kajian ini. Majoriti responden ialah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja. Hanya seorang sahaja yang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan seorang berkelulusan tingkatan empat.

Jadual 3. Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	2	10.0
Perempuan	18	90.0

Jadual 3 di atas menunjukkan jantina responden. Daripada 20 golongan asnaf yang ditemubual, 18 ialah golongan perempuan dan dua orang lelaki. Mewakili 90 peratus perempuan dan 10 peratus lelaki.

Jadual 4. Jenis Perniagaan

Jenis Perniagaan	Kekerapan	Peratusan
Menjual makanan	15	75.0
Menjahit	4	20.0
Baiki motor	1	5.00

Jadual 4 di atas menunjukkan semua golongan asnaf yang ditemubual menjalankan perniagaan secara *enterprise*. Daripada jumlah tersebut, keseluruhan perniagaan mereka ini tidak didaftarkan kerana perniagaan mereka hanyalah berbentuk kecil-kecilan bagi menampung perbelanjaan harian. Kebanyakan mereka iaitu 75% menjual barangan berbentuk makanan dan minuman termasuklah laksa, nasi kandar, nasi lemak, kuih tradisional, kek, pelbagai jenis kerepak, sambal dan ais *blended*. Manakala selebihnya adalah menjalankan perkhidmatan menjahit pakaian iaitu 20% dan ada juga yang menjalankan perniagaan berbentuk kemahiran tangan iaitu memperbaiki motor.

Keberkesanan Program Model MLC (Projek Rintis)

Objektif kedua kajian ini adalah untuk menilai kesan pelaksanaan Program Model MLC ke atas asnaf berstatus usahawan. Penilaian keberkesanan program ini yang bersasarkan kepada model MLC (Mindset, Leadership dan Competency) telah di aplikasikan ke atas 20 orang peserta Usahawan Asnaf. Sila Rujuk Profil asnaf di Lampiran 1. *Mindset* diukur dengan elemen tauhid dan taqwa (TT), sementara Leadership (kepimpinan) diukur dengan tiga (3) elemen iaitu Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatahah (SATF) dan Competency iaitu Kompetensi perniagaan

(BC= business competency). Kompetensi perniagaan merangkumi ilmu terkini perniagaan di antaranya seperti ‘biz startup’, ilmu ‘copywriting’, ‘closing sales’.

Berdasarkan maklumat di Lampiran 1, penilaian keberkesanaan dilakukan dengan mengukur kemajuan asnaf mengenai TT, SATF dan BC sebelum dan selepas program model MLC di jalankan. Butiran terperinci keberkesanaan untuk setiap asnaf adalah seperti di Lampiran 1. Skala “rendah”, “sederhana” “tinggi” serta “sangat tinggi” digunakan untuk mengukur keberkesanaan program ke atas usahawan asnaf. Skala “rendah” bermakna perbuatan asnaf dalam kadar kurang atau minima. Skala “sederhana” menandakan perbuatan dalam keadaan biasa, manakala “tinggi” menunjukkan perbuatan yang lebih daripada tahap biasa. Sementara itu, “tinggi” adalah diberi sekiranya asnaf meningkatkan perbuatan (seperti meningkatkan komunikasi) atau mendapat kemajuan yang lebih baik (contohnya, berkomunikasi dengan lebih berkeyakinan).

Berdasarkan kepada penilaian tersebut, dapatan menunjukkan tahap *mindset* (TT), leadership (SATF) dan kompetensi perniagaan (BC) adalah seperti Jadual 6.

Jadual 5. Sebelum Program

	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
TT	19	0	1	0
SATF	1	19	0	0
BC	1	19	0	0

Jadual 5 menunjukkan bahawa 19 orang daripada 20 orang usahawan asnaf (95%) berada dalam tahap rendah dari aspek “mindset” atau pemikiran terhadap membangunkan kemandirian dalam diri berteraskan Tauhid dan taqwa (TT) secara berterusan. Hanya seorang sahaja yang didapati berterusan dalam melaksanakan kewajipan solat wajib dan solat sunat iaitu solat dhuha dalam konsep mencari rezeki. Sebahagian besar daripada kumpulan asnaf usahawan ini melaksanakan kewajipan yang memenuhi keperluan sahaja.

Dari aspek kepimpinan yang berteraskan Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatahah (SATF), hasil kajian mendapati 1 orang (10%) di tahap yang rendah dan 19 orang lagi (95%) di tahap yang sederhana. Keputusan ini menunjukkan 95% hanya biasa sahaja dalam kemandirian sebagai usahawan, tidak fasih berkomunikasi dan memimpin. Didapati juga corak yang sama untuk ciri kompetensi perniagaan di mana 95% berada dalam tahap yang sederhana dari segi pengetahuan dan kemahiran perniagaan.

Jadual 6. Selepas Program

	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
TT	0	18	2	0
SATF	0	0	20	0
BC	0	0	16	4


Namun, hasil kajian mendapati perubahan positif yang ketara di dalam ke tiga-tiga aspek yang dinilai. Perubahan positif ini menunjukkan bahawa model MLC ini sangat berkesan dalam mengubah mindset, membina aspek-aspek kepimpinan berasaskan ciri-ciri Islam dan meningkatkan kompetensi perniagaan di kalangan kumpulan usahawan asnaf 20 orang ini.

Jadual 6 menunjukkan perubahan ini secara lebih terperinci. Dari sudut mindset, 90% (18 orang) daripada golongan asnaf usahawan ini telah berganjak dari tahap rendah kepada tahap sederhana. Pencapaian yang memuaskan ialah terdapat peningkatan dari 1 orang kepada 2 orang (10%) dalam peringkat tinggi terhadap pengukuhan tauhid dalam pencarian rezeki.


Keberkesanan yang paling ketara ialah dalam aspek kepimpinan. Model MLC telah Berjaya membina semangat kepimpinan di kalangan kesemua 20 orang asnaf ini yang sebelumnya rendah dan sederhana (1 dan 19 berturut) ke tahap yang tinggi. Dapatan ini memberi bukti akan keberkesanan program MLC ini merubah mereka daripada yang tidak pandai berkomunikasi dapat berkomunikasi dengan baik dan berani.

Dari Jadual 6, keberkesanan yang terserlah didapati dari aspek membina kompetensi perniagaan. Dari 10% tahap rendah dan 90% sederhana berubah kepada 80% (16 orang) ke tahap tinggi. Paling membanggakan ialah terdapat 20% (4 orang) yang Berjaya mencapai keberkesanan yang paling tinggi apabila mereka ini dapat bukan sahaja menguasai ilmu asas tetapi juga kompetensi perniagaan yang merangkumi ilmu terkini perniagaan di antaranya seperti ‘biz startup’, ilmu ‘copywriting’, ‘closing sales’. Malah, asnaf-asnaf ini sudah pandai menggunakan media sosial (facebook dan sebagainya) dalam urusan perniagaan mereka.

Rajah 1 dan Rajah 2 mengilustrasikan dengan lebih jelas keberkesanan projek memandirikan asnaf-asnaf ini dari aspek mindset, leadership dan competency (MLC) keusahawanan.



Rajah 1




Rajah 2

Perbandingan Rajah 1 dengan Rajah 2 menghasilkan dapatan yang menunjukkan aspek-aspek di mana model MLC ini sangat berkesan dalam memandirikan asnaf berstatus usahawan iaitu kumpulan sasaran ini. Pertamanya ialah anjakan minda (mindshift) atau anjakan paradigma daripada tahap rendah kepada tahap sederhana dan tinggi yang dapat dilihat (bar biru) sebelum dan selepas program ini di jalankan. Keduanya, dari segi kompetensi perniagaan. Hasil dapatan menunjukkan aspek ini yang paling berkesan di antara ke tiga-tiga elemen yang diuji. Ini adalah kerana kompetensi perniagaan asnaf-asnaf ini yang di tahap sederhana (Rajah 1) berjaya direalisasikan ke tahap tinggi dan sangat tinggi (bar hijau dalam Rajah 2). Seperti yang telah diterangkan, asnaf-asnaf dapat merasa akan keberkesanan penerapan model MLC ini

apabila mereka dapat mempelajari ilmu-ilmu perniagaan terkini malah dapat mengaplikasikan sosial media sebagai kaedah pemasaran yang lebih murah dan efektif kerana dapat mencapai rangkaian pelanggan yang lebih luas.

Kerangka Model MLC

Objektif ketiga kajian ini adalah merangka program memandirikan asnaf berstatus usahawan berdasarkan Model MLC. Perbincangan berikut akan menjelaskan dengan lebih terperinci Model MLC ini yang merangkumi Mindset, Leadership dan Competencies.



Rajah 3: Kerangka Model MLC

Mindset (Pemikiran dan kepercayaan): Ke arah Tauhid

Para peserta didedahkan pengenalan berkenaan kepentingan mindset (pemikiran). Perkongsian maklumat dalam bahagian ini adalah berkaitan kepentingan konsep membangunkan kemandirian dalam diri melalui aplikasi Tauhid secara berterusan. Konsep memimpin melalui Tauhid adalah mempercayai Tuhan itu satu iaitu Allah (Ali, 2006) sebagai teras utama yang seterusnya akan memberikan impak terhadap pemikiran, tingkah laku dan kelakuan. Perkongsian dalam program ini juga menjelaskan secara tidak langsung kepentingan konsep logik wahyu, logik fitrah dan logik akal ketika membangunkan dan memajukan pemikiran para asnaf.

Seterusnya, pengukuhan konsep Tauhid akan membentuk pemikiran dan pentaakulan ke arah kemandirian dan kompetensi dengan meletakkan faktor keimanan dan ketuhanan sebagai matlamat akhir tanpa memisahkan pembangunan material dan sumber manusia. Melalui pendekatan inilah yang membezakan dengan program-program pembangunan asnaf yang lain kerana dipercayai pengukuhan konsep Tauhid mampu menggerakkan pembangunan konstruktif melibatkan integrasi teori, amali, roh, akal, hati dan budi. Tambahan lagi peningkatan kerohanian, akhlak dan moral serta kejayaan dalam bentuk material akan terbentuk dalam pemikiran dan diri para asnaf. Bahkan lagi, kemanisan dan kehebatan iman pula akan terhasil ekoran daripada elemen meredai Allah sebagai Rabb dan Nabi Muhammad ﷺ selaku Rasulullah ﷺ selaras dengan pandangan Al-Qaradhawi (2006) dalam Mohamad, Safar, Embong dan Azahar (2014).

Leadership

Matlamat proses pengembangan kemandirian para asnaf adalah untuk membolehkan individu belajar bagaimana memimpin diri (leading self). Sesi perkongsian bertujuan membangunkan potensi kepimpinan yang merupakan salah satu instrumen penting, dilakukan bertujuan melahirkan individu berkualiti dan mempunyai kerangka hati budi unggul selaras dengan pandangan Fadzli, Asyraf dan Ruzaini (2006).

Kajian ini mendapati pemilihan konsep kepimpinan berteraskan memimpin diri dibangunkan dalam diri para asnaf pula adalah tepat ekoran secara umumnya berlaku peningkatan tahap kegagalan yang kritikal dari sudut peribadi selaras dengan pandangan oleh Browning (2018), Ng (2017), Stewart, Courtright dan Manz (2011). Pembangunan kepimpinan dalam diri para asnaf tidak melibatkan semua komponen kepimpinan generic iaitu *siddiq*, amanah, *tabligh* dan *fatanah* tetapi bergantung kepada keperluan dan kesesuaian. Hasil perkongsian mendapati elemen *tabligh* atau kemahiran berkomunikasi yang berkesan sangat diperlukan. Ini kerana cabaran para asnaf bersifat realistik dan memerlukan kemahiran yang jelas serta tidak meninggalkan hubungan dengan Tauhid selaras dengan ayat dalam surah *al-Baqarah* 145.

Ada juga persoalan-persoalan yang ditanyakan ketika sesi perkongsian seperti bolehkah kita menipu siki-sikit semasa menjual dan sebagainya telah diberikan pencerahan oleh fasilitator. Ini bersandarkan kepada maksud sabda Rasulullah SAW:

“Ditanyakan kepada Rasulullah S.A.W, “Mungkinkah seorang Mukmin itu pengecut?”.” Mungkin,” jawab Rasulullah. “Mungkinkah seorang Mukmin itu bakhil?”.” Ya, mungkin,” lanjut Rasulullah. “Mungkinkah seorang Mukmin itu pembohong?”.” Rasulullah S.A.W menjawab, “Tidak!”.”

(Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam al-Muwatta’ & Imam al-Baihaqi dalam Syu’abul Iman).

Kompetensi Perniagaan

1. Low Cost Marketing
2. Business Diagnose

Kompetensi khusus perniagaan merangkumi ilmu terkini perniagaan: ‘biz startup’, ilmu ‘copywriting’, ‘closing sales dan lain-lain berdasarkan diagnosis yang dilakukan oleh penceramah utama.’

MLC untuk Para Asnaf Berstatus Usahawan

Pembangunan kemandirian para asnaf diakui perlu bersifat realistik. Ini kerana dalam sesi perkongsian ada peserta yang pada awalnya mempersoalkan apa faedahnya solat dan amalan-amalan dan hubungannya dengan kelangsungan hidup. Para peserta akhirnya memahami setelah dibuat pencerahan dan para peserta kemudiannya berminat mengikuti pengenalan MLC yang berorientasikan praktikal dari sudut Tauhid termasuk amalan-amalan khusus menjemput rezeki seperti Talk to Allah dan juga amalan kepimpinan diri yang baik. Ada juga peserta-peserta lain yang kurang menjaga hubungan dengan Allah dan tidak pernah tahu untuk bersolat dhuha telah mendapat pencerahan dan banyak memberikan kesan dalam kehidupan para asnaf.

Seterusnya tujuan terbesar pendekatan MLC di peringkat pengenalan ini adalah bagi mencapai maksud *mafhum* hadith Rasulullah SAW: “Ketika baginda ditanya apakah pekerjaan yang terbaik dan baginda menyatakan usaha individu dengan kemampuannya dan perniagaan yang mabur (*Kitab Jual Beli, Subulus Salam*).”

Pendekatan MLC disyorkan kerana kebanyakan pembangunan keusahawanan memfokuskan elemen material (kompetensi peniagaan) semata-mata maka akan memenuhi kriteria pertama iaitu usaha individu dengan kemampuannya tetapi dari satu sudut pula impak mengabaikan pembangunan intrinsik (MLC) akan menghasilkan iklim perniagaan yang kurang kondusif (ghair mabrur) atau sia-sia dikenali sebagai *haba'an mansoura* (debu-debu yang berterbangan) dalam surah *Furqan* 25:23.

KESIMPULAN

Ternyata, projek mengadaptasikan Model MLC ini telah berjaya memandirikan asnaf berstatus usahawan. Model MLC yang komprehensif menggarapkan ketiga-tiga elemen penting dalam pembangunan lestari iaitu 'Mindset', Leadership dan 'Competency'. Penerapan konsep 'kerohanian' (spirituality) termasuklah tauhid, uswatul hasanah dan sebagainya telah menjadikan model ini jauh terhadap dalam mengubah minda seterusnya ke arah pembangunan diri asnaf berkenaan.

Model MLC ini telah meninggalkan implikasi yang berkesan dalam memandirikan kumpulan asnaf sasaran. Dapatan yang agak ketara sebelum dan selepas model MLC ini diperkenalkan; i) telah menampakkan perubahan yang agak ketara pada mindset asnaf daripada tahap rendah kepada tahap sederhana dan tinggi; dan ii) perubahan kepada kompetensi perniagaan. Kompetensi perniagaan asnaf-asnaf ini asalnya di tahap sederhana telah berjaya diubah ke tahap tinggi dan sangat tinggi. Hasilnya, para asnaf telah berjaya menguasai ilmu perniagaan terkini malah dapat menjadikan sosial media sebagai kaedah pemasaran yang lebih efektif, murah dan mencapai rangkaian pelanggan yang meluas.

Oleh yang demikian, perubahan positif ini menunjukkan bahawa model MLC ini sangat berkesan dalam mengubah mindset, membina aspek-aspek kepimpinan berasaskan ciri-ciri Islam dan meningkatkan kompetensi perniagaan di kalangan kumpulan usahawan asnaf. Daya dan semangat kepimpinan telah berjaya dipupuk di kalangan kesemua 20 asnaf ke tahap yang lebih tinggi seterusnya membolehkan mereka berkomunikasi dengan baik dan penuh keyakinan.

Oleh yang demikian, kajian ini telah membuka lembaran baru dalam penyelidikan berkaitan asnaf, namun beberapa fokus penting dirasakan perlu diberikan perhatian dalam kerangka penyelidikan dan kajian akan datang yang terlepas pandang;

- i. Kepentingan mindset (pemikiran) dalam membangunkan kemandirian diri melalui aplikasi Tauhid secara berterusan. Konsep memimpin dan ketuhanan merupakan teras utama memberikan impak terhadap pemikiran, tingkah laku dan kelakuan asnaf. Konsep Tauhid mampu menggerakkan pembangunan konstruktif melibatkan integrasi teori, amali, roh, akal, hati dan budi dalam membentuk kerohanian dan moral dan akhirnya mampu mengawal material dalam pemikiran dan diri para asnaf.
- ii. Kompetensi dan ketuhanan sebagai matlamat akhir tanpa memisahkan pembangunan material dan sumber manusia. pendekatan inilah yang akan pembangunan asnaf dan konsisten dalam usaha-usaha yang mereka lakukan.

- iii. Kepimpinan dengan berteraskan memimpin diri dibangunkan dalam diri para asnaf kerana fakta ini merupakan kegagalan yang kritikal dari sudut peribadi asnaf. Hasil kajian ini mendapati elemen ‘tabligh’ atau kemahiran berkomunikasi yang berkesan sangat diperlukan dan perlu diberikan perhatian disebabkan para asnaf perlu bersifat realistik dan berkemahiran selaran dengan tuntutan paradigma Tauhid (Tawhidic Paradigm)

Kesimpulannya, pembangunan kemandirian asnaf perlu bersifat realistik dan holistik. Penafian terhadap keperluan ibadah seharian dan keperluan hidup seharusnya tidak berlaku dalam kelangsungan hidup mereka. Pendekatan MLC menjadi penting bukan sekadar memfokuskan elemen material (kompetensi peniagaan) semata-mata bahkan melestarikan usahawan dan mengelakkan mereka dari terjebak ke arah kekecewaan, takutkan kerugian dan pelbagai perkara negatif dalam perniagaan yang akan dihadapi kelak.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Ismail (2006). *Ilmu Tauhid Membentuk Peribadi Mukmin*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Al-Qardawi, Y. (1993). *Pengertian Tauhid*. Kuala Lumpur, Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Craig, N., & Snook, S. (2014). From purpose to impact. *Harvard business review*, 92(5), 104-111.
- Faris, N., & Parry, K. (2011). Islamic organizational leadership within a Western society: The problematic role of external context. *The Leadership Quarterly*, 22(1), 132-151.
- Kahf, M., & Ahmad, K. (1980). A Contribution to the theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society. *Studies in Islamic Economics*, 24.
- Kouzes, J.M. & Posner, B.Z. (2007). *The leadership challenge (4th ed.)*. San Francisco: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohammad Naim Abd Halim Abdullah Abdul Ghani, & Mahyuddin Abu Bakar (2019). Paradigma Tauhid Dalam Kepimpinan Islam: Suatu Ulasan. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*. 3 (12): 125-139.
- Moxley, R. S., & Moxley, R. S. (2000). *Leadership and spirit: Breathing new vitality and energy into individuals and organizations*. Jossey-Bass Publishers.
- Quinn, R. E., & Thakor, A. V. (2018). Creating a Purpose-Driven Organization. *Harvard Business Review*, 96(4), 78-85.
- Selamat, M.I, (1996). *Sifat-sifat Allah dan Mentauhidkan Diri Kepada-Nya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Sergiovanni, T. J. (1992). *Moral leadership: Getting to the heart of school improvement*. Jossey-Bass Inc., Publishers, 350 Sansome Street, San Francisco, CA 94104.